

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
KAMPUS INDUSTRI UTeM,  
PAMERAN KERJAYA UTeM

TEMPAT:

KAMPUS INDUSTRI,

UTeM

TARIKH :

05 APRIL 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA  
PERASMIAN PAMERAN KERJAYA UTeM PADA 05  
APRIL 2007 JAM 10.00 PAGI BERTEMPAT DI  
KAMPUS INDUSTRI UTeM.

Y.B. DATUK HJ. YAAKOB BIN MD. AMIN  
PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN  
DAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI MELAKA

YBHG PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN  
ANTARABANGSA)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN NAIB CANSELOR ( PENYELIDIKAN DAN  
INOVASI )

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
UNIVERSITI,

WAKIL-WAKIL INDUSTRI,

TETAMU-TETAMU JEMPUTAN,

WAKIL-WAKIL PELAJAR,

DAN HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

PERTAMANYA SAYA BERSYUKUR KEHADRAT  
ALLAH SWT KERANA MENGIZINKAN SAYA SERTA  
HADIRIN-HADIRAT SEKALIAN BERKUMPUL DAN  
BERHIMPUN PADA PAGI INI BAGI

MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN PAMERAN KERJAYA UTeM 2007INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA Y.B DATUK HJ. YAAKOB BIN MD. AMIN, PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN DAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI MELAKA KERANA DAPAT HADIR PADA MAJLIS YANG SANGAT BERMAKNA KEPADA UTeMINI.

PAMERAN KERJAYAINI ADALAH KALI PERTAMA DIADAKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI SEBAGAI SATU USAHA UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN DAN MAKLUMAT BERKAITAN KERJAYA DALAM BIDANG PEKERJAAN KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI UTeM, TERUTAMANYA KEPADA MEREKA YANG BAKAL BERGRADUAN NANTI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ADALAH DIJANGKAKAN SERAMAI 1372 ORANG AKAN BERGRADUAN PADA OGOS 2007 IAITU 273 ORANG PADA PERINGKAT DIPLOMA, 1094 ORANG PERINGKAT IJAZAH DAN 5 ORANG PERINGKAT SARJANA. SEHUBUNGAN ITU PAMERAN KERJAYAINI SANGAT BERGUNA KEPADA MEREKA BAGI MEMPERSIAPKAN DIRI UNTUK MEMASUKI ALAM PEKERJAAN.

INI PENTING KERANA ANTARA FAKTOR UTAMA YANG MENYEBABKAN SESEORANG GRADUANTIDAK MENDAPAT TAWARAN PEKERJAAN WALAUPUN MEMPUNYAI PENCAPAIAN AKADEMIKYANG CEMERLANG DAN AKTIF DALAM KOKURIKULUM IALAH KERANA TIADA KEYAKINAN, PENAMPILAN DIRI YANG TIDAK MENARIK SEMASA MENGHADIRI TEMUDUGA, RESUME DIRI YANG TIDAK MEMPUNYAI MAKLUMAT LENGKAP ATAUTIDAK MENEPATI CIRI-CIRI PEKERJA YANG

DIPERLUKAN DAN TIDAK MENDAPAT MAKLUMAT PELUANG PEKERJAAN.

SEBANYAK 19 BUAH SYARIKAT, INDUSTRI DAN AGENSI KERAJAAN TURUT MELIBATKAN DIRI DALAM PAMERAN KERJAYA KALI INI IAITU:-

DALAM PELAN STRATEGI UNIVERSITI 2006-2010, PIHAK UNIVERSITI TELAH MELETAKKAN STRATEGI BAGI MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI KEMAHIRAN GENERIK BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MARKETABLE DAN *EMPLOYABLE*. UNTUK ITU KITA MENSASARKAN SUPAYA 100% GRADUAN UTeM MENDAPAT PEKERJAAN DALAM TEMPOH 6 BULAN SELEPAS TAMAT PENGAJIAN MENJELANG 2010. USAHA YANG DILAKUKAN HARI INI MERUPAKAN PELAN TINDAKAN YANG DIRANCANG BAGI MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

- I) MRJ TECHNOLOGIES SDN BHD
- II) CUBIC ELECTRONICS SDN BHD
- III) PETRONAS
- IV) PPK TECHNOLOGY SDN BHD
- V) UNISEM (M) SDN BHD
- VI) DEFENCE & COMERCIAL AUTOBIDY SDN BHD
- VII) PEJABAT TENAGA KERJA NEGERI MELAKA
- VIII) JOB MARKET MALAYSIA SDN BHD
- IX) FETTA AUTO PART INDUSTRIES SDN BHD
- X) ASSESS PRODUCTS SDN BHD
- XI) SEKRETARIAT PROSPER PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD

- XII) PIONEER TECHNOLOGY SDN BHD
- XIII) NATIONAL ACCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH)
- XIV) IKHLAS CONSULTANT & SERVICES
- XV) HUNTSMAN TIOXIDE
- XVI) JOBS BROADWAY. COM SDN BHD
- XVII) ROBOMATICS (M) SDN BHD
- XVIII) TREND KYM MALAYSIA SDN BHD
- XIX) KOPERASI UTeM
- ANTARA AKTIVITI-AKTIVITI PENTING YANG DIADAKAN SEPANJANG PAMERAN KERJAYA INI BERLANGSUNG DARI 04 APRIL HINGGA 06 APRIL 2007INI, SELAIN DARIPADA PAMERAN KERJAYA IALAH CERAMAH KERJAYA, TEMUDUGA TERBUKA DAN BENGKEL PENULISAN RESUME YANG BAIK.
- SEHUBUNGAN ITU PAMERAN KERJAYAINI DAPAT MEMBERI BANYAK MANFAAT KEPADA PELAJAR
- KHUSUSNYA BAKAL-BAKAL GRADUAN MENGENAI PELUANG PEKERJAAN DAN PERSIAPAN DIRI BAGI MEMBINA KERJAYA SELEPAS TAMAT PENGAJIAN DI SINI.
- TAKLIMAT KERJAYA AKAN DISAMPAIKAN OLEH BEBERAPA PARA INDUSTRILIS DAN PENSYARAH UTeM YANG TERLIBAT DENGAN PAMERANINI SEPERTI TAJUK BERIKUT:-
- i) FEARLESS INTERVIEW
  - ii) JOB HUNTING
  - iii) POWER RESUME
  - iv) SKOP DAN PELUANG KERJAYA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER
  - v) SKOP DAN PELUANG KERJAYA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN ELEKTRIK

- vi) SKOP DAN PELUANG KERJAYA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN MEKANIKAL
  - vii) SKOP DAN PELUANG KERJAYA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN PEMBUATAN
  - viii) SKOP DAN PELUANG KERJAYA DALAM BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
- OLEH ITU BAKAL-BAKAL GRADUAN PERLU MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK DITEMUDUGA KERANA IA ADALAH PELUANG KEEMASAN YANG PATUT DIREBUT DALAM USAHA ANDA MENCARI PEKERJAAN. IA SECARA LANGSUNG AKAN DAPAT MENANGANI MASALAH PENGANGGURAN DI KALANGAN SISWAZAH.

#### HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEBAHAGIAN DARIPADA SYARIKAT-SYARIKATINI PULA, ADA YANG AKAN MENGADAKAN TEMUDUGA TERBUKA BAGI MENCARI PEKERJA YANG SESUAI BAGI MENGISI JAWATAN-JAWATAN TERTENTU SEPERTI PENYELIA, JURUTERA, JURUTEKNIK, PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT DAN SEBAGAINYA.

DALAM SITUASI SEKARANG PARA GRADUAN TIDAK BOLEH TERLALU MEMILIH KERJA. WALAUBAGAIMANAPUN MEREKA PERLU JUGA MEMIKIRKAN KERJA YANG SESUAI DENGAN ILMU YANG DITUNTUT SEMASA DI UNIVERSITI SUPAYA ILMU TERSEBUT BOLEH DIMANFAATKAN SEPENUHNYA AGAR MENJADI MODAL INSAN YANG BERKEMAHIRAN TINGGI SEJAJAR DENGAN PELABURAN TINGGI YANG DIBELANJAKAN OLEH KERAJAAN.

AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN BERBANYAK  
TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA Y.B DATUK HJ.  
YAAKOB BIN MD. AMIN Pengerusi  
JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN DAN  
PENGAJIAN TINGGI NEGERI MELAKA KERANA  
HADIR PADA PAGI INI DAN SETERUSNYA  
MERASMIKAN PAMERAN KERJAYA UTeM 2007INI.

SETINGGI-TINGGI SYABAS DAN TAHNIAH JUGA  
DIUCAPKAN KEPADA UNIT ALUMNI DAN KERJAYA,  
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI SERTA  
SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG  
DAN TIDAK LANGSUNG BAGI MENJAYAKAN  
PROGRAMINI.

SEKIAN TERIMA KASIH

WABILLAHITAUFIK, WALHIDAYAH, ASM. WRT. WBT